

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	06 DECEMBER 2016

Ramai ahli DAP tidak faham Bahasa Kebangsaan

um - 6/12/2016

KUALA LUMPUR 5 Dis. - Di sebalik pujian bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap DAP bahawa parti itu menyanjung Bahasa Kebangsaan ketika Persidangan Kebangsaan DAP semalam, situasi berbeza yang sebenarnya berlaku.

Ia dibuktikan dengan pendedahan Setiausaha Organisasi Kebangsaan DAP, Anthony Loke Siew Fook bahawa parti itu terpaksa membelanjakan RM20,000 untuk

menyediakan alat penterjemahan semasa persidangan itu langsung tidak menggambarkan perjuangan sebenar 'Malaysian Malaysia'.

Laman sosial Facebook, *Roket Kona* mempersoalkan bagaimana keadaan itu boleh berlaku apabila para pemimpin DAP begituantang memperjuangkan konsep itu kononnya tidak meminggirkan Bahasa Kebangsaan sedangkan para perwakilan mereka tidak memahami pertuturan dalam ba-

hasa Melayu.

"Kita sudah 59 tahun merdeka tetapi malangnya ramai pemimpin dan perwakilan DAP tidak faham bahasa Melayu malah pasti ramai juga dalam kalangan mereka yang tidak boleh bertutur dengan Bahasa Kebangsaan kita," kata *Roket Kona* seperti dipetik menerusi catatan akaun Facebook itu, hari ini.

Pada Persidangan Kebangsaan DAP yang dihadiri Dr. Mahathir itu, lebih 100 unit alat penterjemahan

itu diedarkan kepada para perwakilan untuk mengalih bahasa ucapan perbahasan persidangan itu ke dalam bahasa Mandarin dan Tamil.

Memetik laporan portal berita, *themailmailonline.com*, Siew Fook berkata, penyediaan alat bantuan itu akan diteruskan untuk persidangan pada tahun akan datang bermula tahun ini dalam hasrat untuk menyanjung polisi dan prinsip parti meninggikan martabat Bahasa Kebangsaan.